

SOALAN NO. 49**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN ALICE LAU KIONG
YIENG [LANANG]****SOALAN :**

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan Persekutuan sebenarnya mengetahui apakah hak atau kuasa autonomi yang telah diambil dari Sarawak; dan
- (b) bilakah Kerajaan Persekutuan akan mengembalikan hak autonomi kepada Sarawak yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 serta kenapa bukan sekarang.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dan wakil Kerajaan Persekutuan bagi membincangkan isu-isu mengenai proses *empowerment* dan *devolution of authority* termasuk mengenai hak-hak negeri Sabah dan Sarawak.

Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Teknikal telah pun diadakan sebanyak empat kali iaitu pada 10 Ogos 2016, 27 September 2016, 1 Disember 2016 dan 23 Januari 2018. Seterusnya, perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bil. 1 hingga 3 tersebut telah pun diangkat untuk pertimbangan lanjut di peringkat Jawatankuasa Pemandu.

Proses pelaksanaan *empowerment* dan *devolution of authority* ini merupakan suatu proses yang berterusan (*ongoing*) dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan sedang dijalankan dan belum dimuktamadkan. Oleh itu, butiran terperinci mengenai mesyuarat yang telah diadakan belum boleh didedahkan kepada umum memandangkan status mesyuarat tersebut bertaraf Rahsia.

Sekian, terima kasih.